



TUJUAN mesyuarat diadakan supaya tugas dapat dijalankan dengan sempurna. — Gambar hiasan

Berkat adab bermesyuarat

KOLUMNIS

Oleh DZUHAILMI DAHALAN



dzuhalmi@upm.edu.my
Pegawai Penyelidik Sosial,
Institut Pengajian Sains Sosial (IPSS),
Universiti Putra Malaysia

MESYUARAT merupakan salah satu medium untuk menyelesaikan masalah. Malah, terdapat dalam sebuah hadis yang diriwayatkan at-Tabarani menyebut: "Tidak rugi orang yang beristikhharah dan tidak menyesal orang yang bermesyuarat".

Selain itu, dalam al-Quran terdapat satu surah yang dinamakan *asy-Syu'araa'* yang bermaksud mesyuarat.

Dalam konteks kumpulan organisasi kerja, tujuan mesyuarat ialah supaya tugas dapat dijalankan dengan sempurna. Mesyuarat berfungsi untuk memusatkan hati dan fikiran ahli mesyuarat terhadap agenda yang perlu diselesaikan.

Matlamat sesebuah organisasi tidak boleh dicapai jika ketua dan pengikut 'tidur sebantal, tetapi mimpinya berbeza'. Dari perspektif Islam, kesatuan kumpulan tidak sekadar wujudnya ketua dan pengikut. Ia juga mensyaratkan kesatuan hati dan fikir.

Tetapi, mengapa sering kali mesyuarat tidak dapat menyatukan hati dan fikir kumpulan organisasi walaupun mesyuarat kelihatan gah? Ada kemungkinan mesyuarat

dikhawatir berjalan tanpa mengikut adab.

Dalam Islam, kejayaan mesyuarat tidak bergantung kepada tempoh sesebuah mesyuarat atau siapa yang bermesyuarat, tetapi sejauh manakah adab mesyuarat dipatuhi.

Walaupun pengagihan tindakan dalam kalangan ahli mesyuarat di sesebuah organisasi dapat disempurnakan melalui mesyuarat yang tidak mengikut adab, hakikatnya organisasi memilih jalan yang sukar untuk berkembang maju.

Dalam konteks organisasi kerja, ketua yang baik sentiasa bermesyuarat dengan pengikutnya. Ketua berhak menentukan dengan siapa dia harus bermesyuarat pada perkara-perkara tertentu mengikut kebijaksanaannya.

Pada masa sama, ahli mesyuarat yang baik merupakan individu atau kumpulan yang menerima keputusan mesyuarat dengan hati terbuka sekalipun keputusan tersebut bertentangan dengan kehendak diri.

Berikut beberapa adab penting dalam mesyuarat:

1 Mesyuarat perlu ada seorang pembuat kata putus. Pembuat kata putus merupakan pengurus yang dilantik untuk mengendalikan mesyuarat.

2 Pengurus meminta pandangan daripada ahli mesyuarat tentang perkara

yang dibincangkan. Jika ahli mesyuarat tidak ramai, ada baiknya pendapat diminta daripada semua ahli.

3 Nyatakan pandangan ringkas dan padat. Elakkan memberi justifikasi berlebihan dengan tujuan untuk mendesak pengurus menerima pandangan.

4 Jangan sekali-kali, memotong pandangan ahli lain sehingga pandangannya selesai.

5 Ketika keputusan hendak dibuat, semua ahli meletakkan kebijaksanaan kepada pengurus untuk membuat keputusan.

6 Semua ahli perlu berlapang dada serta menganggap keputusan mesyuarat adalah keputusan bersama.

7 Dari perspektif Islam, sekiranya seseorang ahli mesyuarat mendapati pandangannya diterima, dia beristighfar dan ada rasa khawatir jika pandangannya tadi memberi kesan yang tidak baik ke atas kesejahteraan organisasi.

8 Mesyuarat ditutup dengan sedikit penghargaan daripada pengurus kepada ahli mesyuarat untuk bersama menjayakan keputusan mesyuarat.

Bagi penganut Islam, setiap ahli mesyuarat membaca doa kafarah majlis.

Bermesyuarat adalah sunah. Namun, memecahkan hati ahli mesyuarat adalah haram.